

# “Impak Pelancongan Sukan Terhadap Alam Sekitar”

**JAFFRY ZAKARIA  
BENDERI DASRIL**

Fakulti Sains Sukan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim, Perak  
[jaffry@upsi.edu.my](mailto:jaffry@upsi.edu.my)  
[benderi@upsi.edu.my](mailto:benderi@upsi.edu.my)

## **Abstrak**

Alam sekitar merupakan agenda penting selepas era Perang Dingin dan secara tidak langsung semakin banyak negara memberikan tumpuan besar kepada persoalan alam sekitar. Peradaban manusia tidak mungkin berlangsung sehingga sekarang tanpa kewujudan sumber asli dan alam sekitar yang harmoni. Menurut Mustafa dan Lailatul (2005), sumber alam semulajadi mesti diangkat sebagai modal sejagat (planetary capital) yang perlu dikongsi seluruh generasi manusia sepanjang zaman. Manakala menurut Joy dan Paul (1999) menyatakan bahawa pelancongan sukan dikategorikan sebagai melancong untuk menyertai acara sukan dan menyaksikan acara sukan. Alam sekitar pada hari ini sememangnya merupakan sistem sokongan hidup yang semakin tertekan dengan ancaman terhadap biodiversiti, kesan rumah hijau, pengurangan ozon dan pencemaran air, udara dan tanah. Pelancongan sukan merupakan sambutan dan harapan pihak kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan negara melalui langkah-langkah dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN). Walau bagaimanapun pelancongan sukan dan alam sekitar merupakan dua aspek yang penting dan perlu diberi perhatian yang serius kerana gandingan kedua-dua mekanisme ini dapat mendekatkan individu dengan alam sekaligus menyemai rasa cintakan alam sekitar. Namun dewasa ini timbul berbagai konflik antara keduanya persoalannya siapa? pelancongan sukan atau alam sekitar?. Disini penulis akan mengupas konflik antara kedua-dua mekanisme ini dengan mengaitkannya dengan isu-isu semasa.

## **Pengenalan**

Aktiviti percutian bercorak sukan (sport oriented vacations) semakin mendapat tempat dan popular di negara kita. Pelancongan sukan merupakan modal terbaik sebagai memberi pulangan lumayan kepada industri pelancongan dan juga negara. Penambahan dan jumlah pelancong yang bertambah saban tahun memberi pulangan lumayan terhadap industri-industri kecil dan sederhana dalam negara. Menurut Hinch dan Higham (2001), pelancongan merupakan pengembaraan oleh individu yang bukan berasal daripada kediaman tersebut

Manakala menurut Joy dan Paul (1999), pelancongan boleh ditakrifkan sebagai pergerakan sementara individu daripada kediaman sendiri atau tempat kerja yang mana aktivitinya melibatkan pengalaman.

Manakala sukan pula didefinisikan sebagai keseluruhan jarak kompetitif dan bukan kompetitif yang mana melibatkan kemahiran, strategi atau peluang kepada individu untuk berseronok, berlatih atau beriadah (Joy dan Paul, 1999). Menurut Hinch dan Higham (2001), sukan adalah berorientasikan kepada matlamat, kompetitif dan berpandukan kepada aktiviti.

Secara keseluruhannya pelancongan sukan boleh ditakrifkan sebagai sebarang bentuk penglibatan aktiviti sukan mahupun perniagaan dan melibatkan perjalanan dari kediaman ke tempat yang hendak ditujui (Joy dan Paul, 1999). Manakala menurut Heather dan Gibson (1999), pelancongan sukan adalah aktiviti masa lapang yang berpandukan kepada pengembaraan individu secara sementara keluar daripada komuniti untuk bermain, menyaksikan aktiviti fizikal atau memberi penghormatan terhadap tarikan sesuatu aktiviti.

Pelancongan sukan dan alam sekitar merupakan dua aspek yang penting dan perlu diberi perhatian dengan mendalam. Pembangunan lestari produk-produk pelancongan sukan mestilah menekankan kesepaduan antara pertumbuhan industri tersebut dengan alam sekitar agar kualiti hidup manusia sejagat dapat dikekalkan dalam jangka masa yang panjang. Namun dalam keghairahan menghasilkan produk pelancongan sukan yang bermutu kita perlu melihat dengan lebih mendalam tentang impaknya terhadap alam sekitar

### **Sejarah Pelancongan Sukan**

Seawal tahun 1550'an lagi pelancongan sukan telah mula berkembang di negara-negara Eropah. Ianya bermula sebagai sukan persahabatan. Sejarah awal membuktikan bahawa pada tahun 1859 contohnya, pasukan kriket England sudah mula menyertai kejohanan di Amerika dengan menaiki kapal layar dan mengambil masa yang lama untuk sampai. Manakala menurut Kathleen dan Hilmi (2001), pada era pemerintahan Victoria (1837 – 1865) juga telah berlaku era penglibatan wanita dalam sukan dan mereka seringkali menyertai kejohanan-kejohanan yang dianjurkan di luar negara dan antara

sukan yang terlibat adalah tarian, bowling padang, memanah dan lawan pedang. Pada zaman pemerintahan Greece, individu mengembara untuk menyertai dan menyaksikan Sukan Olimpik.

Catatan ini secara tidak langsung membuktikan bahawa pelancong sukan sudah mula mengambil tempat dan berkembang di zaman tersebut. Ini menandakan berbagai-bagai usaha telah dilakukan oleh pemerintah pada masa dahulu untuk memperkenalkan produk-produk sukan dan secara tidak langsung menggalakkan individu melancong.

Di Malaysia sejarah membuktikan negara telah menganjurkan berbagai-bagai sukan peringkat antarabangsa pada masa lalu. Contohnya, Kejohanan Piala Thomas, Pestabola Merdeka dan Sukan Komanwel telah menarik ramai pelancong asing dan sekaligus memajukan industri sukan di Malaysia. Dalam kerajaan menggalakan pelancongan sukan, berbagai-bagai aktiviti telah diatur dan dirancang samada oleh Kementerian Pelancongan Malaysia ataupun Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Aktiviti-aktiviti sukan seperti Pesta Air Kebangsaan, Perlumbaan Kereta Formula Satu, Siri *Power Boat* Dunia, Kejohanan Golf Dunia, Kejohanan Skuasy Terbuka Malaysia, Kejohanan Badminton Terbuka Malaysia, Sukan Sea dan sebagainya. Kesemua aktiviti ini dirancang untuk menarik jumlah dan kedatangan pelancong di negara ini.

### **Pelancongan Sukan Dan Alam Sekitar**

Pelancongan sukan tidak dapat dipisahkan dari alam sekitar yang menjadi tulang belakang ataupun medium utama sesuatu aktiviti sukan. Selain aktiviti pelancongan sukan berprestasi tinggi seperti Formula Satu, Kejohanan Ragbi dan sebagainya aktiviti pelancongan sukan yang berbentuk riadah atau lasak juga diperkenalkan seperti pacuan empat roda (4 x 4), menjelajah gua dan gunung, berbasikal bukit, selam skuba, snorkling dan sebagainya melibatkan eksploitasi alam sekitar yang maksimum.

Alam sekitar merupakan satu medium atau tempat untuk mencari ketenangan dan menghilangkan tekanan dikalangan individu melalui penyertaan dalam aktiviti bercorak fizikal dan sebagainya. Menurut Shahrudin (2001), aktiviti fizikal memberikan kesan yang positif kepada tahap kesihatan psikologi individu. Kesan aktiviti fizikal dapat dilihat pada penurunan tahap stress dan depresi, peningkatan perasaan hati (mood), peningkatan konsep sendiri dan peningkatan tahap kualiti kehidupan (Shahrudin, 2001).

Namun, pelancongan sukan telah dikenalpasti boleh samada negatif ataupun positif mendatangkan kesan terhadap alam sekitar. Kerosakan alam sekitar boleh menjadi igauan buruk kepada generasi pada masa akan datang kerana sudah tiada lagi khazanah alam yang dapat dinikmati.

### **Kesan Positif Pelancongan Sukan Terhadap Alam Sekitar**

Pelancongan sukan sememangnya telah dikenalpasti mendatangkan kesan yang positif terhadap pembangunan sosio ekonomi, sosio budaya dalam sesebuah masyarakat mahupun negara. Pertumbuhan pesat industri pelancongan sukan menyumbang kepada pembangunan ekonomi melalui rantaianya yang rapat dengan pelbagai industri lain yang dicerminkan oleh corak perbelanjaan pelancong. Kemasukan pelancong bertambah saban tahun dan ini telah mendorong sektor swasta secara aktif merangsang pertumbuhan industri pelancongan melalui pelaburan dalam perhotelan dan projek berkaitan pelancongan.

Program pembangunan produk pelancongan yang baru juga mendatangkan manfaat kepada sosioekonomi dan pembangunan sesebuah lokasi seperti pembinaan jalan, kemudahan awam seperti tandas, tempat rehat dan sebagainya. Menurut Ian Keirle (2002), kemudahan asas dan perkhidmatan diperlukan oleh komuniti atau masyarakat seperti pengangkutan, sistem komunikasi, air dan elektrik. Semua kemudahan ini akan dapat menarik lebih ramai bilangan pelancong untuk mengunjungi kawasan tersebut dan sekaligus dapat mempromosikan lokasi tersebut di mata dunia.

### **Kesan Negatif Pelancongan Sukan Terhadap Alam Sekitar**

Pelancongan sukan juga tidak dapat lari dari menyumbang kepada kesan negatif antaranya seperti pencemaran bunyi, air dan juga udara. Sebagai contohnya aktiviti pacuan empat roda sememangnya merupakan antara penyumbang pencemaran alam. Bunyi jentera dan enjin akan mengganggu ketenangan alam dimana secara tidak langsung akan mengganggu penghuni hutan akibat daripada pencemaran bunyi. Aktiviti ini juga boleh mengakibatkan pencemaran air yang serius akibat hakisan denai-denai dan anak sungai yang juga terdedah kepada pencemaran minyak kenderaan yang digunakan.

Walaupun kuantitinya dalam jumlah yang kecil tetapi ianya tetap mengganggu ekologi dan keseimbangan alam yang menjadi medium utama aktiviti ini.

Gangguan ekologi juga berlaku melalui aktiviti selam skuba dan snorkeling. Contoh terbaik ialah di Taman Laut Pulau Payar, yang majoriti pengunjungnya terdiri dari rakyat Taiwan dan Jepun. Walau bagaimanapun aktiviti snorkeling ini merupakan aktiviti yang paling digemari dan hanya tertumpu di "Marine Park Centre House Reef". Kemasukan jumlah pelancong yang besar boleh mengakibatkan kerosakan fizikal secara langsung terhadap persekitaran terumbu di samping menimbulkan masalah-masalah lain seperti pencemaran air.

Kesan yang sama berlaku di Pulau Langkawi dan Pulau Sipadan dimana pelancong memberikan kesan-kesan negatif terhadap hidupan marin terutamanya terumbu karang. Terumbu karang dijana oleh serangga kecil marin yang dinamakan *polyps*. Jika *polyps* terdedah kepada pencemaran dan bahan-bahan kumbahan manusia maka ianya akan mati dan penambahan terumbu karang tidak dapat dilakukan (Hilmi dan Kathleen, 2001).

Pembukaan hutan secara berleluasa juga berlaku kesan daripada pelancongan sukan. Sukan golf sememangnya amat popular dikalangan orang kenamaan, ahli-ahli korporat dan sebagainya. Sebagai contohnya di United Kingdom sahaja terdapat lebih daripada 2,600 padang golf yang telah dibuka (Joy dan Paul, 1999). Walau bagaimanapun kesan pelancongan sukan terhadap pembukaan hutan secara berleluasa juga tidak dapat dielakkan. Lazimnya padang golf yang mempunyai sembilan lubang memerlukan sekurang-kurangnya 25 hingga 30 hektar kawasan untuk dibangunkan namun ianya hanya dapat memuatkan kapasiti 72 orang pemain pada satu-satu masa.

Manakala untuk padang yang mempunyai 18 lubang pula sekurang-kurangnya 50 hingga 60 hektar kawasan terpaksa ditarah dan dibuka semata-mata untuk memuatkan kira-kira 150 pemain pada satu-satu masa. Cuba anda hitungkan berapa banyak kawasan hutan yang perlu kita korbankan semata-mata untuk memuaskan kehendak-kehendak ini. Di Malaysia sahaja terdapat lebih dari 200 padang golf yang dibangunkan tetapi ke mana hala tuju sukan ini dan apakah hasilnya? Senario ini diburukkan lagi dengan kuantiti air yang banyak yang diperlukan untuk menyiram rumput akibat iklim panas dan lembap sepanjang tahun di negara kita.

Aktiviti pelancongan yang melibatkan penjelajahan gua juga sedikit sebanyak boleh menjejaskan alam sekitar. Kebanyakan pelancong yang datang melawat gemarkan aktiviti menjelajah gua. Malaysia amat terkenal dengan beberapa gua yang menarik antaranya Gua Niah dan Gua Mulu (Sarawak), Gua Telinga (Pahang) dan Gua Wang Burma (Perlis). Namun tindak-tanduk manusia sememangnya sukar dikawal. Contohnya formasi gua seperti stalaktit dan stalagmit kerap dirosakkan atau diambil sebagai cenderamata.

Kemasukan pelancong-pelancong ke dalam gua akan menyebabkan suhu didalam gua akan berubah dan sekaligus akan membantutkan pertumbuhan stalaktit dan stalagmit. Justeru itu bilangan pengunjung perlulah dihadkan agar khazanah warisan negara tidak akan terjejas dengan tindak-tanduk manusia yang tidak bertanggungjawab.

### **Langkah-Langkah Pemuliharaan Alam Sekitar**

Langkah-langkah untuk memastikan tujuan-tujuan pemuliharaan alam sekitar adalah perlu seiring dengan pembangunan produk pelancongan sukan itu sendiri. Kedua-duanya adalah saling memerlukan dan berkait rapat antara satu sama lain. Perancangan yang teliti adalah perlu dan harus disepadukan dengan baik agar menguntungkan semua pihak yang berkepentingan. Pelancongan sukan ini sememangnya mendatangkan faedah yang banyak seandainya dilaksanakan secara mapan dari segi alam sekitar, sosial dan ekonomi.

### **Meningkatkan Pengurusan dan Perancangan**

Suasana yang kondusif adalah perlu bagi menyeimbangkan antara pelancongan sukan dan alam sekitar. Pertimbangan alam sekitar perlu diintegrasikan ke dalam semua peringkat pembangunan, perancangan dan pelaksanaan program serta segala aspek penggubalan dasar mengenai pelancong sukan. Input alam sekitar perlu digabungkan kedalam produk-produk pelancongan agar penggabungan sumber-sumber ini lebih tersusun dan terancang sekaligus dapat menjamin kualiti alam yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, pengurusan dan perancangan alam sekitar perlu diintegrasikan ke dalam dasar program pelancongan sukan, pelan dan pembentukan

projek-projek pelancongan sukan disamping pelaksanaan melalui proses penilaian yang menyeluruh dengan mengambil kira kesan sosial, ekologi dan kesihatan.

### **Pendidikan dan Kesedaran**

Konsep pendidikan dan kesedaran yang lebih mendalam tentang kesejahteraan alam sekitar dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang prihatin terhadap alam sekitar. Walaupun begitu, pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara menyeluruh adalah amat perlu dengan penggabungan maklumat dan penyebaran maklumat kepada pelancong-pelancong yang datang. Ini adalah kerana konsep secara menyeluruh adalah perlu bagi memberi kesedaran awal tentang kepentingan alam sekitar kepada mereka. Perkhidmatan maklumat juga merangkumi penggunaan teknologi maklumat, multimedia, media cetak, media elektronik dan sebagainya.

Peranan media dalam penyebaran maklumat perlu dipergiatkan agar semua individu menerima kesannya. Program-program seperti Hari Alam Sekitar Sedunia, Kempen Alam sekitar, Kempen Kitar Semula, Kempen Buku Hijau adalah satu langkah yang proaktif disamping mendidik individu juga tidak terkecuali pelancong-pelancong sukan supaya sedar akan kepentingan alam sekitar. Mereka perlu didedahkan dengan program-program seumpama ini agar khazanah warisan negara kita tetap terpelihara dari zaman berzaman.

### **Percegahan dan Pengawalan**

Pencemaran dan kesan-kesan negatif lain kepada alam sekitar disebabkan aktiviti pembangunan produk pelancongan sukan perlu dikurangkan. Pengawasan kualiti alam sekitar melalui program-program pemantauan perlu dikembangkan dan diperluaskan bagi membolehkan penguatkuasaan dapat dijalankan secara menyeluruh dan berterusan. Mungkin sebelum ini pihak-pihak yang berwajib belum mempunyai polisi yang sesuai dengan pelancongan sukan itu sendiri. Sebagai contohnya pihak yang berwajib mungkin tidak meletakkan polisi yang jelas untuk membangunkan sesebuah *golf course*. Hal ini perlu mengambil kira tentang kawasan yang sesuai, penebangan pokok-pokok dan perlu dinyatakan zon-zon yang dibenarkan untuk dibangunkan serta tidak ada pertindihan dengan pemaju-pemaju yang lain.

Sehubungan dengan itu, industri-industri pelancongan sukan perlu digalakkan untuk menggubal dasar-dasar yang menghasilkan kegiatan produk-produk yang memberi kesan kepada alam sekitar. Ini adalah perlu agar generasi akan datang tidak akan menerima kesan daripada perbuatan yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab merosakkan alam dengan sewenang-wenangnya.

### **Pendekatan Proaktif Isu Serantau dan Sejagat**

Pihak yang berwajib perlu bekerjasama secara aktif dengan negara-negara lain terutama sekali negara-negara ASEAN dan pertubuhan serantau serta antarabangsa yang berkenaan mengenai impak pelancongan sukan terhadap alam sekitar sejagat. Walaupun begitu, negara juga perlu bekerjasama sepenuhnya dengan negara-negara jiran berkenaan isu alam sekitar yang merentasi sempadan.

Negara juga perlu mengambil langkah praktikal untuk mengurangkan pencemaran merentasi sempadan akibat daripada produk-produk pelancongan sukan melalui makluman, pengawasan dan amaran kepada mereka-mereka yang terlibat. Selain dari itu, negara juga perlu mewujudkan perjanjian dengan badan-badan yang menawarkan produk pelancongan sukan agar pendekatan yang akan dilaksanakan akan bergerak seiring.

### **Penutup**

Dasar Alam Sekitar Negara dengan mengambil kira impak dari pelancongan sukan juga sememangnya penting untuk negara mencapai status negara maju pada tahun 2020 (Mazalisah dan Muhammad, 2002). Sememangnya konflik antara pelancongan sukan dan alam sekitar bukanlah sesuatu yang terlalu kritikal berbanding dengan sektor lain seperti perindustrian dan juga pertanian. Namun begitu, pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar yang bersepadu perlu dilaksanakan dalam konteks pembangunan produk pelancongan sukan. Pembangunan produk pelancongan sukan secara lestari juga amat penting kerana ianya merupakan suatu proses membuat keputusan bersama bagi memastikan bahawa aktiviti ekonomi, kebajikan manusia dan ekosistem sama-sama diberi pertimbangan dan bersepadu bagi memastikan generasi kini dan akan datang dapat memenuhi keperluannya secara berterusan.

## **Rujukan Buku**

- Gibson, H. (1999). Sport Tourism: The rules of the game. *Journal of Park and Recreation*, 6, 36-44.
- Hinch, T. , and Higham, J. E. S. (2001). Sport Tourism: A framework for research. *International Journal of Tourism Research*, 3, 45-58.
- Hilmi Ibrahim, Kathleen A. Cordes. (2001). *Outdoor Recreation*. United States: Brown and Benchmark.
- Joy Standeven, Paul De Knop. (1999). *Sport Tourism*. Kanada: Human Kinetics.
- Kathleen A. Cordes, Hilmi Ibrahim. (1999). *Application In Recreation and Leisure For Today and The Future* (2nd edition ed.). United States: Mc Graw Hill.
- Keirle, I. (2002). *Coutryside Recreation Site Management A Marketing Approach*. New York: Taylor and Francis group.
- Mazalisah Matsah, Muhammad Rizal Razman. (2002). *Dasar Alam Sekitar Negara, Malaysia : Satu Tinjauan Awal*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi
- Mustafa Dakian, Lailatul Insyiriah Mustafa. (2005). *Alam Sekitar : Tanggungjawab Bersama*. *Masa*, 24-27.
- Shaharudin Abd. Aziz. (2001). *Mengaplikasi Teori Psikologi Dalam Sukan*. Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

## **Rujukan Internet**

- <http://ww.educ.upm.my/gradeduc/nyia.pdf>
- <http://www.uneptie.org/pc/tourism/sessitive/prot-areas.htm>
- <http://www.mosti.gov.my/opencms/export/MostePortal/KAS/KASdasarhutanEn.html>
- <http://www.fao.org/docrep/X5626E/x5626e04.htm>
- <http://www.rff.org>